



PAS membuat keputusan untuk tidak akan menuntut hak menjadi ketua sekiranya menjalin hubungan ta'awun bersama UMNO bagi mendepani PRU-15. - UTUSAN

## Mengapa Pas bukan ketua?



**Mohd. Izani  
Mohd. Zain**

**M**UKTAMAR PAS ke-65 yang berakhir Ahad lalu banyak memberi fokus kepada kerjasama Pas dengan UMNO, selain menetapkan hala tuju parti untuk menghadapi perubahan politik negara dan pilihan raya umum ke-15.

Seperti yang dijangka, usul kerjasama Pas dan UMNO telah berjaya dimuktamad dan diluluskan dalam muktamar Pas baru-baru ini.

Kehadiran beberapa pemimpin kanan UMNO termasuk Timbalan Presiden UMNO yang menjalankan tugas-tugas Presiden, Datuk Seri Mohamad Hassan menjelaskan betapa seriusnya kerjasama antara kedua buah parti ini.

Mereka hadir dalam majlis perasmian Muktamar Pas dan turut sama-sama mendengar Perutusan Presiden Pas yang disampaikan oleh Datuk Seri Abdul Hadi Awang, bertajuk "Islam Memimpin Perpaduan".

Antara perkara yang mencuri tumpuan dalam muktamar adalah sikap Pas untuk tidak akan menuntut hak menjadi ketua sekiranya menjalin hubungan 'taawun' bersama UMNO bagi mendepani Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).

Kenyataan yang dikeluarkan oleh Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang ini sangat berbeza dengan pendirian parti sebelum ini yang mahu memimpin kerjasama politik, malah menggantikan UMNO sebagai parti teraju.

Terdapat beberapa faktor yang boleh dikaitkan dalam hal ini. Pertama, apabila Pas sendiri tidak mahu menuntut menjadi ketua, ia memberi isyarat kepada UMNO agar berfikiran serupa.

UMNO yang selama ini menjadi parti teraju dalam Perikatan dan BN sudah tentu tidak akan membantkitkan peranannya sebagai ketua dalam kerjasama bagi menghormati pendirian Pas. Ini satu mesej Pas yang mahu diberikan kepada UMNO.

Kedua, Pas perlu menerima hakikat bahawa UMNO masih lagi parti orang Melayu/Islam terbesar di negara berdasarkan sokongan pengundi dalam PRU-14 lalu meskipun parti itu terpalit dengan beberapa isu dan tuduhan rasuah melibatkan pemimpin tertentu.

Justeru, adalah satu tindakan kurang bijak jika Pas menyatakan hasrat mahu menjadi ketua kepada UMNO ketika kerjasama mereka baharu saja bermula.

Dalam PRU-14, UMNO memenangi 54 kerusi parlimen manakala Pas hanya 18 kerusi Parlimen. Meskipun beberapa ahli Parlimen UMNO keluar parti, jumlah ahli parlimen UMNO masih mengatasi Pas.

Ketiga, dengan tidak menuntut menjadi ketua dalam kerjasama politik, Pas sebenarnya mahu dirinya dan UMNO berada pada kedudukan setara penting.

Soal ketua mungkin akan ditentukan kelak apabila saat akhir menjelang pilihan raya atau ada desakan yang tidak boleh dielakkan. Kedudukan setara atau *equal partner* menjadi prinsip dalam Pakatan Harapan (PH) dan PR.

Keempat, Pas mahu soal penentuan ketua kerjasama politik ini menjadi sangat terbuka dan tidak semestinya individu yang mewakili partinya dan UMNO.

Paling penting, individu dipilih nanti membawa gagasan kepemimpinan Islam, menjaga kepentingan Melayu dan berpengaruh.

Hal yang sama berlaku

dalam PH apabila mereka memilih Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai pengurus pakatan dan calon Perdana Menteri sedangkan beliau bukanlah pemimpin PH sejak awal. Namun, faktor kepemimpinan dan pengaruh Dr. Mahathir khususnya dalam kalangan pengundi Melayu meletakkan beliau di tempat tersebut.

Kelima, pendirian Pas untuk tidak akan menuntut menjadi ketua dalam hubungannya dengan UMNO dilihat mengambil pengajaran akan kegagalan parti itu dalam kerjasama politik dalam Angkatan Perpaduan Ummah (APU), Barisan Alternatif (BA) dan Pakatan Rakyat (PR) yang mahu menjadi ketua atau pemimpin pakatan.

Keinginan Pas menjadi ketua atas alasan parti itu paling lama dan berpengalaman dalam pentas demokrasi di negara menyaksikan ramai tenaga kerja pakatan pembangkang ketika itu terdiri daripada kalangan ahli parti berbanding parti lain.

Namun akhirnya, Pas memilih jalan untuk sendirian apabila mendakwa dikhianati meskipun percaya telah memberi sumbangan besar dalam pilihan raya dan kemenangan PR.

Berdasarkan kelima-lima faktor ini, ternyata Pas memilih pendekatan yang lebih berhati-hati dalam menjayakan kerjasama politik.

Kegagalan kerjasama mereka termasuk dengan UMNO sebelum ini perlu diambil pengajaran agar kerjasama kali ini benar-benar berjaya dan dapat dimanfaatkan demi kepentingan Melayu dan Islam.

**DR. MOHD. IZANI MOHD. ZAIN**  
ialah Profesor Madya di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM).